

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

**BMT 202/3 - Mikologi**

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Dalam pembentukan hifa kulat bagi ahli di dalam Kelas Ascomycetes dan Basidiomycetes, terdapat fasa monokarion dan dikarion. Soalnya:
  - (a) Jelaskan perbezaan di antara kedua-dua fasa tersebut.  
(6 markah)
  - (b) Jelaskan pembentukan fasa dikarion bagi Kelas Ascomycetes.  
(7 markah)
  - (c) Jelaskan pembentukan fasa dikarion bagi Kelas Basidiomycetes.  
(7 markah)
  
2. Askokarpa adalah suatu jasad yang di dalamnya terdapat askus yang mengandungi lapan askospora. Askokarpa hanya terdapat di dalam Kelas Ascomycetes sahaja. Soalnya:
  - (a) Bincangkan jenis askokarpa yang terdapat di dalam Kelas ini.  
(10 markah)
  - (b) Kepentingan askokarpa dalam pengelasan Ascomycetes.  
(10 markah)
  
3.
  - (a) Bincangkan pembiakan seks yang berlaku pada kulat secara keseluruhannya.  
(10 markah)
  - (b) Bincangkan pembiakan aseks yang berlaku pada kulat secara keseluruhannya.  
(10 markah)

4. Jelaskan:

(a) Proses pengkonidiaan (konidiogenesis) pada kulat.

(10 markah)

(b) Proses pemanjangan hifa pada kulat.

(10 markah)

5. Tuliskan nota ringkas tentang Filum berikut:

(a) Oomycota

(b) Myxomycota

(c) Zygomycota

(d) Deuteromycota

(20 markah)

6. Bincangkan peranan kulat dalam penguraian bahan berlignoselulosa.

(20 markah)

